

**GARIS PANDUAN PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN BAGI PELAJAR
BAHARU KE ILJTM SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
PEMULIHAN (PKPP) COVID-19
ADTEC BATU PAHAT**

TUJUAN

- i. Panduan Pendaftaran Kemasukan Secara Atas Talian ini disediakan bagi membantu Para Pelajar Baharu mendaftar kemasukan dalam situasi norma baharu.
- ii. **PERHATIAN:** Sila baca dengan teliti Panduan Pendaftaran ini supaya tindakan sewajarnya diambil **SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS** Hari Pendaftaran Secara Atas Talian supaya pendaftaran dan pengajian anda di **ADTEC BATU PAHAT** berjalan lancar.

1. BAYARAN INSURANS PELAJAR BAHARU

BIL	PERKARA	BAYARAN (RM)	PENERANGAN
1.	Insurans	30.00 setahun	Bagi memastikan pelajar ILJTM dilindungi 24 jam sehari di seluruh dunia.

2. PROSEDUR BAYARAN

- i. Bayaran Insurans hendaklah dibayar dalam bentuk **Kiriman Wang (Money Order) / Bank draf** atas nama **PENGARAH ADTEC BATU PAHAT**
- ii. Bagi **Pelajar Baharu yang mendapat tawaran Kursus Sijil**, anda perlu mempunyai Akaun Simpanan **Bank BSN** bagi tujuan pembayaran Elaun Wang Saku. **Pelajar perlu mengemukakan Salinan Muka Hadapan Akaun Simpanan (salinan muka hadapan perlu mempunyai maklumat nama pemilik akaun, nombor akaun simpanan dan lain-lain yang berkaitan)**. Kegagalan menghantar dokumen seperti yang dinyatakan akan menyebabkan Jabatan tidak akan memproses pemberian Elaun wang saku anda.

Nota: Bagi Pelajar Kursus Sijil dari Kategori Orang Kelainan Upaya (OKU), sila kemukakan sekali salinan kad OKU

- iii. **Sila hantar dokumen seperti yang dinyatakan di para (i) dan (ii) ke** alamat institut menggunakan perkhidmatan pos laju / pos berdaftar ke alamat institut:

**PENGARAH
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI ADTEC BATU PAHAT
KM 8 JALAN TANJUNG LABOH
83000 BATU PAHAT
JOHOR
No. Telefon : 074287722@074287733@074285311
(u.p.: Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan)**

3. PROSEDUR HARI PENDAFTARAN

a) SEBELUM

- i. Pelajar Baharu perlu melakukan pemeriksaan kesihatan di Klinik Kesihatan Kerajaan atau swasta. Sila muat turun Borang Pemeriksaan Kesihatan Pelajar yang disediakan. Borang kesihatan yang lengkap ini perlu di bawa pada 27/28 Disember 2020 kelak.
- ii. Pelajar yang tidak mempunyai kemudahan internet untuk tujuan pendaftaran atau pembelajaran secara atas talian, **sila berhubung dengan institut/sekolah/ institusi pengajian tinggi berdekatan untuk permohonan menggunakan makmal komputer.**

b) SEMASA

- i. Para Pelajar boleh mula mendaftar kemasukan ke ILJTM secara Atas Talian bermula pada **01 September 2020 hingga 7 September 2020 Jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang. Sila klik link** seperti berikut: <http://apps2.jtm.gov.my/online/pendaftaran>
- ii. Sila pastikan **segala butiran diri pelajar dan maklumat lain** yang disenaraikan dalam link pendaftaran **MESTI** dilengkapkan. Contoh maklumat yang perlu diisi ialah seperti **Nombor Rujukan Kiriman Wang / Bank draf, Nombor akaun simpanan serta Pelajar perlu memuat naik dokumen Pemeriksaan Kesihatan.**

c) SELEPAS

- i. Kelas Teori akan diadakan secara Atas Talian bermula **27 September 2020 hingga 24 Disember 2020.** Adalah diingatkan bahawa kehadiran pelajar semasa Kelas Secara Atas Talian ini adalah **wajib** dan kehadiran akan diambil.

- ii. Adalah dimaklumkan, Bayaran bagi Keperluan dan Aktiviti Pelajar Sepanjang Tempoh Latihan akan dimuat naik dalam **Panduan Kemasukan Secara Fizikal ke ILJTM** selepas tamat tempoh pembelajaran secara atas talian ini. Pemberitahuan berkaitan ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

- iii. Sila layari laman web ADTEC Batu Pahat untuk mengikuti perkembangan semasa institut. **www.adtecbp.gov.my**

Nota: Panduan Kemasukan Secara Fizikal ke Institut akan dimuat naik pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.